

## RESEARCH ARTICLE

# PERJANJIAN-PERJANJIAN ANTARA BRITISH DAN KERAJAAN PAHANG 1887-1948

## (Agreements Between the British and the Government of Pahang 1887-1948)

Hasnah binti Hussiin<sup>1\*</sup>, Mardiana binti Nordin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, 26600 Pahang, Malaysia

<sup>2</sup>History Department, Universiti of Malaya, Lembah Pantai Kuala Lumpur, Malaysia

**ABSTRACT** - Malaysian history is filled with various recordings of events. Among the biggest topics in talking about the country's history is the episode of British occupation in Malaya. Although this country has been invaded by foreign powers such as the Portuguese, the Dutch, the British and finally Japan, the British power is more dominant because it left more of an impact on Malaya from the past until now. Question that is still a question is about the status of the British occupation in this country whether they colonized or sheltered this country. However, many previous writings saw it as colonization, so the community saw Malaya as having been colonized. But there are parties who see Malaya as not colonized. This statement is still a debate among historians and intellectuals until now. The objective of this study is to record and analyze the agreements made between the British and the Government of Pahang and conclude at the end of the discussion whether the British occupation in Pahang was in the form of colonization or protectorate. This study uses a qualitative methodology based on primary sources such as reports, agreements and documents found in the national archives of Malaysia.

**ABSTRAK** - Pengisian sejarah Malaysia dipenuhi dengan pelbagai rakaman peristiwa. Antara topik yang paling besar dalam membicarakan tentang sejarah negara adalah episod pendudukan British di Tanah Melayu. Meskipun negara ini telah dimasuki oleh kuasa asing seperti Portugis, Belanda, British dan akhir sekali Jepun, kuasa British lebih dominan kerana ia meninggalkan lebih banyak kesan ke atas Tanah Melayu dari dahulu sehingga kini. Satu persoalan yang masih lagi menjadi tanda tanya ialah tentang status pendudukan British di negara ini sama ada mereka menjajah atau menaungi negara ini. Namun, banyak penulisan sebelum ini melihat ia sebagai penjajahan, maka masyarakat melihat Tanah Melayu telah dijajah. Tetapi ada pihak melihat Tanah Melayu tidak dijajah. Pernyataan ini masih menjadi perdebatan dalam kalangan sejarawan dan intelektual sehingga kini. Objektif kajian ini bertujuan untuk merekodkan dan menganalisis perjanjian-perjanjian yang dibuat antara British dan Kerajaan Pahang dan membuat kesimpulan di akhir perbincangan sama ada pendudukan British di Pahang adalah berbentuk penjajahan atau penaungan. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif berdasarkan sumber primer seperti laporan, perjanjian dan dokumen yang terdapat di arkib negara Malaysia.

**ARTICLE HISTORY**

Received : 13<sup>th</sup> Nov. 2023

Revised : 08<sup>th</sup> Jan. 2024

Accepted : 12<sup>th</sup> Mar. 2024

Published : 13<sup>th</sup> May 2024

**KEYWORDS**

Pahang

British

Agreements

Pahang Royal

**KATAKUNCI**

Pahang

British

Perjanjian

Kesultanan Pahang

**PENDAHULUAN**

Campurtangan British di Pulau Pinang pada 1786 merupakan “the turning point” kepada pendudukan dan penaungan British di beberapa buah negeri Melayu sehingga tahun 1957. Kesultanan atau Raja-Raja Melayu adalah satu institusi yang telah ribuan tahun bertapak dalam tamadun Melayu khususnya di Malaysia. Sebelum kedatangan dan penglibatan barat dalam Negeri-negeri Melayu, Raja atau Sultan menjadi tonggak pemerintahan dalam negeri masing-masing di Tanah Melayu. Raja-raja Melayu bukan hanya penzahiran adat istiadat semata tetapi mempunyai kuasa tertentu yang tidak boleh dipertikai mana-mana pihak. Hakikat sebenarnya sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, negeri-negeri Melayu merupakan negara-negara yang berdaulat, dimiliki oleh rajanya sendiri dan rakyat menundukkan ketaatan mereka kepada raja masing-masing. Di negeri Pahang, pada tahun 1888, Sultan Pahang, Sultan Ahmad di dalam keadaan serba salah telah terpaksa menandatangani sepucuk surat meminta British memberi perlindungan ke atas negeri Pahang seperti mana British memberi perlindungan ke atas Negeri Perak, Selangor dan Sungai Ujong. Akibat dari surat ini bermulalah campur tangan British di Pahang dan John P. Rodger telah dilantik menjadi Residen Inggeris di negeri Pahang.

Secara amnya, British memperkukuhkan penguasaan mereka di negeri-negeri Melayu dengan mengadakan perjanjian dengan pemerintah dan Raja-raja Melayu. Dalam konteks negeri Pahang, pemerintah Pahang juga telah terlibat dengan beberapa perjanjian yang termeterai antara Sultan dan British sejak tahun 1887 hinggalah tahun 1948. Perjanjian-perjanjian ini telah meninggalkan kesan yang tersendiri terhadap politik, ekonomi dan pembangunan sosial di negeri Pahang semasa pendudukan British di negeri ini.

## KAJIAN LITERATUR

Buku seterusnya bertajuk *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia (Old Treaties & Documents of Malaysia), 1970-1965* (Institut Terjemahan Negara, 2008) menghimpunkan koleksi perjanjian/persetiaan termasuklah juga dokumen-dokumen lain yang mempunyai signifikan dalam perkembangan sejarah negara seperti surat tauliah, pemsyukuran, pengisytiharan, ordinan dan akta. Kesemuanya mengandungi 26 jenis dokumen. Dokumen disusun secara kronologi yang bermula dengan ‘Persetiaan dengan Sultan Kedah’ pada tahun 1791 dan yang terakhir merujuk kepada ‘Akta Perlembagaan dan Malaysia (Pindaan Singapura)’ bagi tahun 1965. Setiap dokumen dipaparkan dalam dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris. Menurut penyusun buku ini, dari tahun 1786 sehingga 1957, dianggarkan tidak kurang daripada 200 buah dokumen/perjanjian yang ada melibatkan negeri-negeri Melayu namun tidak termasuk dokumen seperti laporan dari pegawai British kepada kerajaan British di India atau Pejabat Tanah Jajahan di London, juga surat-menyurat pemerintah negeri Melayu kepada kerajaan British.

Biarpun begitu, perjanjian atau dokumen yang termuat di dalam buku ini cukup untuk menggambarkan hubungan luar sesebuah kerajaan atau negeri dan situasi politik yang melibatkan kerja sama atau persekutuan negeri-negeri Melayu tertentu. Pada masa yang sama, tidak menghairankan wujud pula dokumen yang umumnya tidak rasmi kerana tidak ditandatangani oleh mana-mana pihak sehingga disalah erti sebagai perjanjian, misalnya peristiwa penyerahan/pengambilan Pulau Pinang oleh/dari Sultan Kedah. Oleh kerana itulah, buku ini dimulakan dengan ‘Persetiaan dengan Sultan Kedah, 1791’ sebagai pemahaman bahawa pada tahun 1786, British menduduki Pulau Pinang secara tidak sah dan tidak berlaku penyerahan Pulau Pinang oleh Sultan Kedah kepada British. Hanya pada tahun 1791, barulah satu persetiaan ditandatangani. Berikutnya beberapa perjanjian yang mempunyai impak besar kepada sejarah negara dimuatkan seperti ‘Perjanjian Belanda 1824,’ ‘Perjanjian Pangkor, 1874,’ ‘Perjanjian Persekutuan 1895,’ ‘Perjanjian Bangkok, 1909,’ ‘Pengisytiharan Panglima Tentera Jepun, 1942,’ ‘Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1957,’ ‘Pemsyukuran Malaysia, 1963’ dan beberapa dokumen yang lain.

Sebahagian kajian sejarah cenderung merujuk dokumen perjanjian pada interpretasi sejarah. Khoo Kay Kim di dalam artikelnya berjudul ‘The Pangkor Engagement of 1874’ (Khoo Kay Kim, 1974) telah melihat tentang kepentingan Perjanjian Pangkor ini sebagai ‘a major event in modern local history’ kerana dianggap permulaan campurtangan British di Negeri-negeri Melayu secara rasmi. Malah peristiwa termerterainya perjanjian tersebut (merujuk kepada konflik ketakhtaan dan perang saudara di Perak) menjadi subjek penting dan popular dalam kalangan sarjana dalam dan luar negara. Beliau memetik beberapa nama peneliti barat yang membahaskan tentang perjanjian ini seperti Frank Swettenham, R.J. Wilkinson, R.O. Wistedt, Rupert Emerson, C. D. Cowan dan C.N. Parkinson. Namun begitu, tidak bermaksud bahawa peristiwa dan perjanjian itu telah selesai dikaji. Menurut beliau, peluang pengkajian pelbagai perspektif Perjanjian Pangkor 1874 masih wujud.

Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Suffian Mansor menganalisis dua perjanjian yang memberi implikasi terhadap kuasa British di negeri-negeri Melayu. Makalah berjudul ‘Penguatan Penguasaan British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu: Analisis Dua Perjanjian Majlis Mesyuarat Persekutuan, 1909 dan 1927’ (Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Suffian Mansur, 2014). Sebagaimana Khoo Kay Kim, Ahmad Kamal dan Suffian sedar tentang peri pentingnya perjanjian sebagai strategi penjajah dalam menyebarluas dan mengukuhkan kuasa mereka. Jika Perjanjian Pangkor dilihat sebagai pemula, Perjanjian 1909 dan 1927 dapat menjadi *finishing* terbaik dalam agenda British di tanah jajahan mereka. Justeru, sebab musabab, isi perjanjian dan kesan dua perjanjian tersebut menjadi diskusi penulis dalam membahas kuasa British misalnya peranan Pesuruh Jaya Tinggi British juga keterpinggiran peranan Raja-raja Melayu.

Kaedah kajian sama turut diaplikasi oleh Abdullah Zakaria Ghazali di dalam penulisannya yang menganalisis Perjanjian Bangkok 1909 (Abdullah Zakaria Ghazali, 2018) dalam memahami hubungan awal Negeri-negeri Melayu Utara dengan Siam dan latar belakang serta kepentingan hubungan British dengan Siam. Hasilnya, atas motif mengukuhkan kuasa masing-masing, British dan Siam menandatangani perjanjian ini dengan penyerahan Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis oleh Siam kepada British, tanpa persetujuan dan perbincangan dengan Raja-raja Melayu. Kesan perjanjian ini bukan sekadar isu kuasa tetapi juga melibatkan isu persempadanan politik dan geografi. Sememangnya perjanjian pada tahun 1909 ini sentiasa menarik minat pengkaji untuk diperdalam. Antara lain peneliti yang membincangkannya adalah J. Chandran seawal tahun 1971 dalam memberi pemahaman asas tentang hubungan British – Siam (J. Chandran, 1971/1972) mahupun kemudian oleh Mohd Shazwan Mokhtar yang membahaskannya dengan lebih mendalam dalam melihat kesan perjanjian ini terhadap kuasa Raja-raja Melayu juga matlamat utama British di Negeri-negeri Melayu Utara setelah memperoleh negeri-negeri tersebut (Mohd Shazwan Mokhtar, 2021).

Perjanjian Bangkok 1909 adalah contoh perjanjian memperlihatkan perkembangan politik di beberapa buah negeri Melayu sepertimana Perjanjian Persekutuan 1896. Terdapat beberapa kajian cuba memahami perihal perjanjian ini. Sebagai contoh, Sivachandralingam Sundara Raja (Sivachandralingam Sundara Raja, 2002). Jika Perjanjian Bangkok menjadi pencetus kepada pembentukan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, maka beberapa tahun lebih awal

sebenarnya British telah merencanakan pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui Perjanjian Persekutuan 1896 ini. Sivachandralingam menyatakan bahawa Frank Swettenham bertanggungjawab menggubal draf Negeri-negeri Melayu Bersekutu ini sebelum diajukan kepada Cecil Clementi Smith, gabenor Negeri-negeri Selat pada tahun 1893 sehinggalah diluluskan oleh Setiausaha Tanah Jajahan. Di dalam artikelnya, Sivachandralingam turut memuatkan syarat-syarat terkandung di dalam Perjanjian Persekutuan tersebut yang melibatkan negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Fokus utama beliau adalah untuk membincangkan, apakah sebenarnya yang menjadi objektif pihak British mahupun Raja-raja Melayu melalui perjanjian tersebut. Namun, turut dibahaskan, sejauh manakah matlamat dan impian itu menjadi kenyataan. Tidak dinafikan, wujud kebaikan melalui perjanjian ini dengan lahirnya keseragaman undang-undang tanah dan lombong, pengurusan kewangan dan perkongsian kepakaran pegawai. Akan tetapi, beberapa kelemahan turut dikenal pasti seperti kegagalan British menyelaraskan pentadbiran sepenuhnya, tiada galakan untuk menarik pelabur dan pengurangan kuasa Raja-raja Melayu.

Selain kajian membincangkan perjanjian-perjanjian berkaitan gabungan beberapa buah negeri Melayu, tidak kurang juga sarjana yang memilih untuk memberi tumpuan kepada perjanjian yang menjurus kepada negeri tertentu. Misalnya Mardiana Nordin yang meneliti Perjanjian 10 Mac 1855 (Mardiana Nordin, 2007). Dokumen ini adalah sebuah perjanjian yang memberi kesan besar terhadap isu pemerintah Johor sehingga beralihnya tampuk ketakhtaan dari dinasti bendahara kepada dinasti temenggung. Pada masa yang sama, peristiwa ini melibatkan juga pengaruh British kerana kuasa barat itu lebih selesa bekerjasama dengan keluarga temenggung (Temenggung Ibrahim dan Temenggung/Sultan Abu Bakar) ekoran pengalaman pendidikan, ciri kepimpinan moden dan jaringan hubungan yang ditonjolkan. Selain beliau, contoh lain adalah tulisan Azmah Abd Manaf dan Azwan Ahmad yang membincangkan Perjanjian Perlis-British 1930 (Azmah Abd. Manaf dan Azwan Ahmad, 2014). Kedua-dua penulis ini cuba melihat kesan perjanjian dengan penjajah dalam sisi yang berbeza. Hal ini kerana walaupun melalui perjanjian tersebut, Perlis diletakkan di bawah naungan British, namun elit Melayu Perlis dan golongan pentadbirnya berjaya menghadkan pengaruh British di dalam negeri. Selain itu, penulisan ini juga cuba untuk menunjukkan pengaruh gerakan reformis Islam di dalam pentadbiran elit Perlis sehingga idea mereka menjadi sebahagian wadah pentadbiran negeri dan menyeimbangkan pengaruh British.

Perjanjian menjadi sumber dan dokumen penting rujukan ramai sarjana dalam memahami dan menganalisis perkembangan sejarah. Secara keseluruhan ditemukan kajian-kajian yang menjurus kepada bidang-bidang tertentu menggunakan beberapa dokumen perjanjian seperti perbincangan perihal perkembangan politik melibatkan kuasa British seperti kajian oleh Mohd. Shazwan Mokhtar berjudul 'Agenda Imperialisme dalam Krisis Pentadbiran Kolonial di Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1921-1925' (Mohd. Shazwan Mokhtar, 2019) atau tulisan bersama Mohd Samsudin dan Suffian Mansor berjudul 'Strategi Imperialisme British dalam Dasar Desentralisasi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1927-1934' (Mohd. Shazwan Mokhtar, Mohd. Samsudin dan Suffian Mansor, 2021). Sebuah lagi penulisan dalam skop yang hampir sama adalah kajian oleh Sivachandralingam yang berjudul '*The Early British Administrators in the Malay States, 1874-1909*' (Sivachandralingam Sundara Raja, 2015).

Terdapat pengkajian berkaitan kepentingan perjanjian dalam bidang perundangan. Sebagai contoh, Azlizan Mat Enh dan Nurul Fatimah Yusoff berjudul 'Pengenalan Undang-Undang Inggeris di Negeri Sembilan 1895-1950,' (Azlizan Mat Enh dan Nurul Fatimah Yusoff, 2019) kepentingan perjanjian dalam isu persempadanan (Shuwaibah Rasidi dan Shakila Yacob berjudul 'British dalam Persempadanan Hulu Perak-Reman: Satu Kronologi dari Tahun 1882 hingga 1909'), (Shuwaibah Rasidi dan Shakila Yacob, 2020) atau juga kepentingan perjanjian dalam bidang sosioekonomi sebagaimana kajian Nurlisa Sarah Mohammad Azmi yang berjudul 'Peranan British dalam Pembangunan Ekonomi dan Sosial di Jajahan Dinding, 1874-1942' (Nurlisa Sarah Mohammad Azmi, 2019).

Sekiranya dilihat menjurus kepada negeri Pahang, lahir beberapa kajian yang menggunakan perjanjian sekaligus melihat kepentingan perjanjian sebagai medium perkembangan sejarah negeri Pahang dari aspek politik mahupun sosio ekonomi. Lihat misalnya tulisan oleh Mohd Samsuddin dalam artikelnya berjudul 'Pahang Sekitar Abad ke-19' Menurut Pandangan Pegawai-Pegawai British' (Mohd Samsuddin, 2010). Khoo Kay Kim dalam menghasilkan makalahnya 'Dasar British di Pahang Semasa Negeri-Negeri Melayu Bersekutu,' (Khoo Kay Kim, 2000), Aruna Gopinath dalam menulis sejarah Pahang yang tidak asing lagi diberi judul *Pahang 1880-1933, A Political History*. (Aruna Gopinath, 1996) demikian juga, W. Linehan ketika menghasilkan sebuah makalah berjudul 'The Bendahara of Pahang' (W. Linehan, 1934) dan bukunya berjudul *History of Pahang*. (W. Linehan, 1973). Wan Ahmad Fauzi, et.al. (2014) mengkaji dokumen perundangan yang termetri antara British dan kerajaan Pahang dalam tempoh 1887 hingga 1948 dan beliau menyatakan bahawa Pahang tidak pernah dijajah oleh British kerana tidak pernah berlaku perpindahan kuasa kedaulatan dari Sultan Pahang kepada Kerajaan British. Dokumen Kerangka Negeri Dijajah menunjukkan Negeri Pahang kekal merdeka.

## PERNYATAAN MASALAH

Sebagai bekas tanah jajahan British, Tanah Melayu atau Malaysia telah menganggotai pertubuhan KOMANWEL iaitu persatuan negara-negara bekas tanah jajahan British. Pendudukan dan pentadbiran British telah dimasukkan dalam buku sejarah negara ini yang mana ia perlu didedahkan kepada generasi Malaysia bahawa suatu masa negara ini telah berada di bawah penjajahan British. Ini adalah salah satu usaha bagi menaikkan semangat kebangsaan atau patriotisma dalam kalangan pelajar iaitu melalui pendidikan sejarah. Tidak sahaja melalui pendidikan sejarah, generasi Malaysia juga dapat melihat bukti negara ini suatu masa telah dijajah dengan adanya sambutan hari kemerdekaan yang disambut pada setiap 31 Ogos. Begitu juga mereka telah didedahkan dengan pahlawan-pahlawan Melayu yang terkenal seperti Tok Janggut,

Datuk Bahaman, Mat Kilau, Dato Maharajalela, serta Mat Saleh di Sabah yang berjuang bermati-matian untuk menentang British. Selain itu, di Malaysia juga begitu banyak dapat dilihat bangunan tinggalan penjajah serta monumen-monumen bagi mengenang perjuangan menentang penjajah seperti Tugu Negara. Ini merupakan pakej lengkap bagi membuktikan bahawa Tanah Melayu suatu masa dahulu pernah dijajah dan diduduki oleh British. Maka, secara rasminya diakui sebagai negara yang telah dijajah oleh British dan akhirnya merdeka pada 31 Ogos 1957.

Hasil kajian sebahagian pakar sejarah menyatakan British sebenarnya tidak pernah menjajah Tanah Melayu sebaliknya sebagai tanah naungan. Menurut pakar sejarah, Khoo Kay Kim (2011), British tidak pernah menjajah Tanah Melayu dan perkara ini juga turut diakui oleh Prof Datuk Zainal Kling serta Ramlah Adam. Menurut mereka, British sebaliknya membantu membina negara ini secara pentadbiran melalui perjanjian-perjanjian dengan Raja-raja Melayu. Profesor Datuk Dr Zainal Kling berpendapat, berdasarkan fakta sejarah, Tanah Melayu "tidak pernah terjajah," sebaliknya, hanya dinaungi atau dilindungi oleh British. Fakta sejarah menyatakan Tanah Melayu tidak pernah terjajah oleh British. Justeru, menurut beliau, ini mesti dibaiki dari sekarang oleh semua pihak sama ada pelajar, guru, ahli politik atau pentafsir politik. Sejak Perjanjian Pangkor ditandatangani pada tahun 1874, tidak pernah tercatat dalam perjanjian itu bahawa negeri akan dijajah, sebaliknya hanya dilindungi atau dinaungi. Dalam hal ini, menurut beliau, dinaungi tidak sama dengan kolonial dan hanya tiga negeri sahaja yang merupakan tanah jajahan iaitu, Singapura, Melaka dan Pulau Pinang. Manakala negeri-negeri lain adalah dinaungi atau dilindungi. Beliau menegaskan lagi sejak mula Tanah Melayu bukan tanah jajahan atau koloni. Fakta sejarah ini perlu diubah dan rakyat Malaysia perlu menganggap negara ini telah terjajah selama 400 tahun kerana itu adalah kesalahan besar. Sebaliknya, Tanah Melayu hanya terjajah selama dua tahun sahaja iaitu sewaktu pemerintahan Malayan Union pada awal 1946 hingga akhir 1947 dan di zaman penjajahan Jepun.

Majlis Profesor Negara (MPN) menyatakan, zaman pentadbiran British yang disamakan dengan "penjajahan British" sebenarnya tidak sah dan tidak wajar digunakan. Bagaimanapun, menurut majlis itu, kesan pentadbiran British itu merupakan satu bentuk penjajahan. British diberi kuasa untuk 'mentadbir' dari segi pengurusan am dan kewangan serta eksploitasi khususnya sumber alam. Penilaian pengkaji sejarah kolonialisme British terhadap perilaku 'penjajahan' British itu disifatkan sebagai 'breach of trust' atau 'indirect rule'. "Mereka kelihatan melakukan penjajahan walaupun tidak sah, walaupun hal ehwal Persekutuan Tanah Melayu terletak bawah pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan di Britain tetapi kedaulatan Melayu tetap terpelihara.

Pakar Sejarah Malaysia iaitu Ramlah Adam menyatakan Tanah Melayu tidak pernah dijajah sepenuhnya oleh British kerana orang Melayu masih mempunyai tempat dalam perkara tertentu antaranya ialah pengekal institusi raja-raja dan peranannya dalam hal ehwal agama Islam serta adat istiadat orang Melayu. Meskipun British memegang kuasa pentadbiran di Tanah Melayu pada zaman sebelum merdeka, tetapi tidak menafikan sepenuhnya institusi raja-raja Melayu terutama sebagai anggota mesyuarat, tetapi menghapuskan peranan pembesar negara seperti Bendahara dan Temenggong.

Khoo Kay Kim pernah menyatakan British tidak pernah menjajah Tanah Melayu. Beliau berkata demikian pada satu forum sejarah pada tahun 2011. Menurutnya, British sebaliknya membantu membina negara ini secara pentadbiran melalui perjanjian-perjanjian dengan Raja-raja Melayu. Tetapi kedaulatan sentiasa ada pada Raja-raja Melayu dan mereka dipanggil raja berdaulat. Apa yang berlaku di Tanah Melayu memeranatkan orang di luar Tanah Melayu kerana bagi mereka, di seluruh dunia, tidak ada negara yang ada dua orang raja. Sebaliknya negara ini ada sembilan orang Raja. Sebelum tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu diasaskan, Malaya bukan sebuah negara bangsa. Ia hanya menjadi negara bangsa pada 31 Ogos tahun 1957. Pada hari itu, bukan British yang pindahkan kedaulatan kepada rakyat, sebaliknya raja-raja Melayu yang berbuat demikian. Setelah itu barulah Malaysia menjadi negara bangsa dan mengamalkan demokrasi berparlimen. Ketika Tanah Melayu merdeka, ia masih mempunyai sembilan orang raja. Dan raja sendiri menjadi raja berpelembagaan berbanding raja mutlak sebelumnya. Kerana itu katanya, tanggapan banyak pihak yang mengatakan anasir Komunis yang menentang British sebelum Malaysia, tidak harus dilihat sebagai perjuangan nasionalistik kerana ia sebenarnya menentang Kerajaan Tanah Melayu. British tidak memerintah negara ini kerana ia hanya menjadi pekerja negara ini. Mereka dibayar gaji daripada hasil negara ini. Berdasarkan penegasan tokoh hebat ini, maka sejarah Malaysia perlu ditulis semula, dan tafsiran baharu adalah perlu.

Oleh itu, kajian awalan perlu dilakukan dengan fokus negeri Pahang untuk melihat kependudukan British merupakan satu bentuk penjajahan atau penaungan berdasarkan pelbagai dokumen antara British dan Kerajaan Pahang dari tahun 1887-1957. Kajian terhadap dokumen-dokumen, laporan-laporan, minit mesyuarat, perjanjian-perjanjian dan lain-lain sumber pertama untuk menafsirkan pendudukan British di Pahang adalah penaungan atau penjajahan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif berdasarkan kerangka metodologi penyelidikan sejarah iaitu melalui proses heuristik, kritik, tafsiran dan sintesis sumber. Metodologi kajian sejarah digunakan dalam kajian sejarah ini adalah untuk mencapai objektiviti sejarah iaitu mendapatkan kebenaran sesuatu peristiwa. Maka kajian ini akan bergantung kepada sumber primer dan sekunder yang tepat dan mencukupi bagi menghasilkan kajian sejarah yang sebenarnya berlaku. Dalam melaksanakannya, pengkaji menggunakan kaedah library research iaitu mengumpul maklumat di Arkib Negara dan di Perpustakaan Negara yang melibatkan sumber primer dan sekunder. Kajian ini banyak merujuk dokumen rasmi yang kebanyakannya terdiri daripada sumber primer dari pejabat kerajaan British seperti High Commissioner Office (HCO).

Sumber sekunder terdiri dari buku-buku, jurnal, dan kertas penyelidikan sebagai sokongan pengkajian dan berperanan sebagai panduan dan perbandingan perbincangan pada mencari lompongan dalam pengkajian sejarah. Melalui sumber-sumber ini, kaedah diskriptif digunakan untuk menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian.

## PERBINCANGAN

### *Perjanjian-perjanjian antara British dan Sultan Pahang*

Menurut catatan Colonel Cavanagh, Governor of the Straits Settlements 1859-1867, semasa membentangkan laporan tentang perjanjian dan persetujuan yang dibuat antara British dan negeri-negeri Melayu, khususnya dengan negeri Pahang, beliau menyatakan:

*“Pahang may, to a certain extent, be considered as under the protection of this government, as, notwithstanding the non-existence of any Treaty obligations, on all occasions of necessity, either owing to internal dissensions or external attack, the advice and support of the Governor of the Straits Settlements has always been sought by the Bandahara, and to the assistance thus obtained his present independent position may be mainly attributed.”* (Colonel Cavanagh, Report on the Treaties and Engagement with the Native States of the Malayan Peninsular, 1859-1867)

Apa yang dapat dipetik dari kenyataan ini adalah negeri Pahang secara dasarnya adalah boleh, pada tahap tertentu, dianggap sebagai di bawah perlindungan kerajaan British kerana, walaupun tidak wujud mana-mana obligasi perjanjian mengenai hal ini, sama ada disebabkan oleh perselisihan dalaman atau serangan luar, nasihat dan sokongan Gabenor Negeri-Negeri Selat sentiasa dicari oleh Bandahara, dan kepada bantuan yang diperolehinya, kedudukan baginda sebagai pemerintah tidak akan terjejas.

#### 1) Perjanjian Pahang 1887

Perjanjian ini telah ditandatangani antara Tuan Yang Terutama Sir Frederick Aloysius Weld, Knight Grand Cross of the most Distinguished Order of Saint Michael dan Saint George Gabenor Negeri-Negeri Selat, dan Yang Teramat Mulia Raja Ahmad Yang-dipertuan Pahang. Antara isi kandungan tentang perjanjian ini adalah kedua-dua kerajaan pada setiap masa akan bekerjasama dalam penyelesaian penduduk di wilayah masing-masing, dan dalam hal pertahanan bersama wilayah tersebut daripada serangan musuh luar, bekerjasama dalam membuat peraturan bagi memudahkan urusan perdagangan dan perhubungan transit darat melalui Negeri Pahang dengan Negeri Johor dan negeri jiran yang lain.

Gabenor Negeri-Negeri Selat pada setiap masa dengan sedaya upayanya mengambil apa sahaja langkah yang mungkin perlu untuk melindungi kerajaan dan wilayah Pahang daripada sebarang serangan musuh luar. Raja Pahang berjanji di pihaknya bahawa baginda tidak akan tanpa pengetahuan dan perkenan Kerajaan Seri Paduka Baginda merundingkan apa-apa perjanjian atau memasuki apa-apa penglibatan dengan mana-mana negeri asing, atau campur tangan dalam politik atau pentadbiran mana-mana negeri asal, atau membuat apa-apa pemberian atau konsesi kepada selain rakyat British atau Syarikat British atau orang Cina, Melayu atau bangsa lain, atau mengadakan sebarang kerjasama politik dengan mana-mana negeri asing.

#### 2) Perjanjian 1888

Perjanjian Inggeris dengan Pahang telah ditandatangani pada tahun 1888. Perjanjian ini antara lain mengiktiraf Bendahara sebagai Sultan dan Pahang menerima Hugh Clifford sebagai wakil British di negeri itu. Hasil daripada perundingan dengan Sultan Johor, Sultan Pahang akhirnya bersetuju dengan pelantikan Residen di negeri Pahang selepas pembunuhan Jo Hui (Go Hui) seorang rakyat British. Untuk itu, seorang Pegawai British telah dihantar oleh kerajaan British untuk membantu dalam hal-hal yang berkaitan dengan kerajaan negeri seperti mana yang telah dilakukan di beberapa buah negeri Melayu di bawah Perlindungan British. Tetapi titah baginda ini dengan bersyarat iaitu British tidak boleh mengganggu adat-adat orang Melayu dan semua perkara yang berkaitan dengan agama Islam.

#### 3) Persetiaan Persekutuan 1895

Perjanjian di atas telah ditandatangani dan dimeterai pada bulan Julai 1895, antara Raja-Raja dan Pembesar-pembesar negeri. Perjanjian antara Gabenor Negeri-negeri Selat, yang bertindak bagi pihak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, Maharani India dengan Raja-raja Negeri Melayu yang berikut iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Kesemua negeri Melayu tersebut bersetuju meletakkan diri mereka dan negeri mereka di bawah naungan kerajaan British dan membentuk negeri-negeri mereka dalam sebuah Persekutuan, dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Naungan, yang ditadbir di bawah nasihat kerajaan British. Raja-raja yang dinamakan di atas bersetuju untuk menerima seorang Pegawai British, bergelar Residen General, sebagai ejen dan wakil kerajaan British di bawah Gabenor Negeri-negeri Selat.

Perjanjian ini dibuat akibat daripada tercetusnya beberapa kekacauan dan perebutan kuasa yang berlaku di keempat-empat buah negeri tersebut. Perjanjian yang mengandungi enam fasal ini antaranya menyentuh tentang persetujuan dan perakuan Raja-Raja Melayu menjadikan negerinya sebagai satu jemaah yang bernama Negeri-negeri Melayu yang bernaung di bawah bendera dan nasihat Kerajaan Queen. Raja-raja Melayu juga tidak boleh menjalankan kuasanya dalam negeri lain selain negerinya. Di samping itu, Raja-Raja Melayu diminta menerima pegawai British bergelar Residen-Jeneral sebagai penasihat dan mereka hendaklah memberi pertolongan kepada pihak British apabila diminta berbuat

demikian. Pihak British juga menegaskan bahawa perjanjian ini tidak akan mengubah atau mengurangkan kuasa mana-mana Raja Melayu dalam negerinya. (Institut Terjemahan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2010).

#### 4) Perjanjian Perlembagaan Majlis Persekutuan 1909

Perjanjian ini merupakan perjanjian yang dibuat antara Pesuruhjaya Tinggi bagi negeri-negeri Melayu yang bertindak bagi pihak kerajaan baginda Raja, Maharaja India, dan raja-raja Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan yang telah disempurnakan oleh Pesuruhjaya Tinggi pada 20hb Oktober 1909. Bahawa pada dan selepas tarikh yang ditetapkan oleh baginda satu majlis hendaklah ditubuhkan yang dikenali sebagai Majlis Persekutuan negeri-negeri Melayu Bersekutu. Ahli majlis ini terdiri daripada Pesuruhjaya tinggi, Residen Jeneral, Sultan Perak, Sultan Selangor, Sultan Pahang, penduduk Negeri sembilan, Yam Tuan Negeri Sembilan, penduduk Perak, penduduk Selangor dan penduduk Pahang.

#### 5) Perjanjian 1911

Maka dengan ini digubal oleh Raja-Raja Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dalam Majlis iaitu Enakmen yang disebut sebagai “Enakmen pengesahan Perjanjian dan Perjanjian 1911.” Ia membawa maksud apa-apa perjanjian atau perjanjian yang dinyatakan untuk dimeterai oleh atau bagi pihak raja-raja dan pembesar-pembesar negeri-negeri Melayu Bersekutu hendaklah jika ia ditandatangani dimeterai dan diserahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi baginda bagi negeri-negeri Melayu atau penggantinya dalam jawatan atau dalam peristiwa ketidakhadirannya dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat oleh pegawai yang sedang menjalankan tugas-tugas jawatan itu adalah berkesan dan mengikat seolah-olah perjanjian atau perjanjian itu telah ditandatangani dimeterai dan diserahkan oleh raja-raja dan pembesar-pembesar negeri-negeri Melayu Bersekutu dengan tangan mereka sendiri dan dalam diri mereka sendiri. (Fail chief secretary F.M.S 11 th March 1912).

#### 6) Perjanjian 1912

Perjanjian ini telah dibuat pada 21 Jun 1912 antara kerajaan yang mulia baginda King dan Sultan Pahang di mana ia adalah berkenaan dengan persetujuan kepada penggubalan Akta Pesalah Pelarian 1881. Dalam hal ini, Sultan Pahang bersetuju dengan kerajaan baginda bahawa ia akan memberi manfaat dan kebaikan dalam mentadbir hukuman bagi pesalah buruan di bawah peruntukan Akta Pesalah Buruan 1881, dan ini akan terpakai di semua negeri-negeri Melayu yang dilindungi, Negeri-negeri Selat dan juga antara negeri-negeri tersebut dengan kerajaan Britain dan Ireland, negeri milik British dan semua tempat di mana pesalah buruan tersebut bertindak akan melalui perintah atau tertakluk kepada akta tersebut dari semasa ke semasa. (Agreement Between His Majesty’s Government and His Highness the Royal of Pahang).

#### 7) Perjanjian Persekutuan 1948

Perjanjian ini ditandatangani pada 21 Januari 1948 di Kuala Lumpur. Antara tujuan penubuhan kerajaan Persekutuan 1948 adalah:

*“to create a strong central government in the interests of an economical and effective administration of Malaya as a whole and today we also witness the inauguration of the new Federation of Malaya and the installation of His Excellency as the first High Commissioner of the new Federation consisting of the nine Malay States and the Settlements of Malacca and Penang. The government of a modern state is becoming increasingly complex and uniformity is necessary before any progress can be made in the direction of responsible self-government which has always been the ultimate objective of H.M. Government.”* (Adress by the Acting British Adviser, dalam Fail B.A. PHG. X (1949)

Perjanjian ini telah membentuk Perlembagaan dan pemerintahan yang baru di negeri Pahang.

*“The new constitution will enable the people to take a larger share in the administration of their country and will enable the state to move forward on the path of progress.”* (Adress by the Acting British Adviser, Fail B.A. PHG. X (1949)

Dalam konteks negeri Pahang, perjanjian ini dikenali sebagai Perjanjian Pahang 1948. Berikut merupakan petikan tentang perjanjian tersebut.

*“Kami Sultan Abu Bakar Riayatuddin Muaazzam Shah K.C.M.G. Ibni Almarhum Almuktasim Billah Sultan Abdullah Raja Negeri Pahang dan semua tanggungannya, berbesar hati pada hari yang mulia ini untuk memaklumkan kepada rakyat Kami dan kepada semua orang yang bermastautin di Negeri Pahang, sedangkan kami telah melaksanakan Perjanjian yang kami janjikan. Dibuat dengan Seri Paduka Baginda pada 21hb Januari, 1948 (dipanggil Perjanjian Pahang, 1948) untuk mentadbir negeri Pahang kita tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perlembagaan bertulis yang hendaklah selaras dengan perjanjian tersebut dan juga dengan perjanjian selanjutnya yang telah kami buat dengan baginda pada 21 haribulan Januari 1948 (dipanggil Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1948); dan sedangkan kami telah bersetuju dalam Perjanjian Pahang, 1948 bahawa perlembagaan bertulis tersebut hendaklah diberikan dan diisytiharkan oleh kami secepat mungkin. Kita harus memberi kuasa dan melantik dua majlis untuk membantu dan menasihati kita dalam kerajaan negeri Pahang kita, iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan yang akan dipanggil dalam bahasa Inggeris Majlis Negeri (Fail B.A. PHG. X (1949).*

## PENUTUP

Wujud pelbagai perjanjian telah dimeterai antara Kerajaan British dengan Sultan dan kerajaan negeri Pahang. Secara keseluruhan, perjanjian-perjanjian ini ditandatangani bagi tujuan-tujuan tertentu. Paling ketara adalah berhubung aspek kuasa seperti penjelasan kuasa politik di tangan Sultan namun dengan batas-batas tertentu, bidang kuasa British sebagai kuasa penjajah? (atas nama naungan), kerja sama negeri Pahang dengan kerajaan British, pelantikan pegawai British (terutama residen atas nama penasihat), pengukuhan kuasa British melalui jawatan residen, residen jeneral mahupun Pesuruhjaya Tinggi, agihan kuasa, dasar-dasar British (misalnya isu politik yang tidak boleh diambil keputusan tanpa pengetahuan British) juga hal-ehwal penyatuan/persekutuan beberapa negeri Melayu atas tujuan kemudahan dan penyeragaman sistem pentadbiran British.

Merujuk kepada perjanjian pelbagai sumber dan dokumen perjanjian, maka pengkajian pelbagai persektif perlu dilaksanakan. Sebagai contoh, mungkinkah berlaku perubahan dalam bidang kuasa dan pelaksanaan kuasa di negeri Pahang terutamanya dengan kewujudan Majlis Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Pertamanya, melalui perjanjian-perjanjian ini berlaku campur tangan pihak-pihak luar dalam politik tempatan yang sebelum ini merupakan hak mutlak elit Melayu. Kuasa pembesar-pembesar Melayu semakin merosot dengan pelantikan ramai golongan pentadbir British malahan mereka dikenakan pelbagai cukai melalui undang-undang dan peraturan baru. Keduanya, Sultan tidak lagi memegang kuasa mutlak ke atas negerinya. Secara jelas, Sultan adalah tertakluk ke atas bidang kuasa Majlis Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan terutama melalui keanggotaan kedua-dua majlis tersebut yang meliputi pelbagai lapisan masyarakat termasuk pegawai British dan orang asing. Bermakna, Sultan tidak lagi menjadi suara atau wakil masyarakat tempatan semata-mata.

Pengkajian pelbagai perjanjian di dalam kajian ini walaupun fokus kepada aspek politik dan pentadbiran namun pada tetap memberi kesan terhadap perkembangan sosioekonomi. Hal ini menunjukkan perkembangan positif. Kemasukan kuasa British melalui perjanjian-perjanjian tersebut membawa impak yang baik terhadap pendidikan, kesihatan dan infrastruktur. Untuk memastikan ekonomi negara dieksploitasi dengan menyeluruh, maka British merencanakan pembangunan infrastruktur dan rakyat turut mendapat faedah melaluinya. Namun pembangunan ini masih berfokus di wilayah-wilayah berkepentingan terutama yang memberikan kepentingan kepada British.

## PENGHARGAAN

Penghargaan yang setinggi-tingginya, juga ucapan terima kasih kepada Universiti Malaysia Pahang dan Pusat Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang yang menyediakan dana dan peluang untuk pengkaji menyiapkan kajian ini. Segala peluang dan kemudahan yang diberikan telah digunakan sepenuhnya oleh pengkaji bagi menghasilkan penulisan yang bermutu dan berguna untuk sejarah negara bangsa, jasa kalian tetap dikenang. Artikel ini merupakan produk daripada Geran RDU 210326 'Kajian Kesan Perjanjian British Dengan Kerajaan Negeri Pahang Terhadap Sosio-ekonomi Negeri Pahang 1888-1940' yang dibiayai oleh Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah. Pengarang juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur di atas perkhidmatan menyediakan bahan-bahan yang diperlukan dalam menyiapkan kajian ini.

## KONFLIK KECENDERUNGAN

Penulis ingin memaklumkan tiada konflik kecenderungan terhadap individu atau pihak tertentu. Penulisan ini adalah berdasarkan fakta yang sahih dan penulis bertanggungjawab untuk mengolah fakta tersebut supaya ia lebih tersusun dan mudah untuk difahami.

## SUMBANGAN PENULIS

Berikut adalah sumbangan penulisan artikel;

1. Dr. Hasnah Binti Hussin; Konseptual, Pengumpulan Data Primer, Penulisan draf pertama, pemerolehan dana dan memuktamadkan draf.
2. Dr. Mardiana Binti Nordin; proof reading draf pertama, penambahan isi kandungan dan memuktamadkan draf.

## RUJUKAN

### *Buku dan Artikel*

- Abd Jalil Borham (2014) "Bukti dan Pengaruh Kedatangan Islam Terawal di Pahang Memartabatkan Legasi Islam di Pahang." Seminar Pengajian Pahang Sempena memuliakan sambutan 40 tahun Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, 11 September 2014, M. S. Garden, Kuantan, Pahang.
- Abdullah Zakaria Ghazali, 'Perjanjian Bangkok dan Protokol 1909: Menimba Memori Sejarah, Menjejaki Kesan Politik dan Geografi Negeri Melayu,' Malaysia dari Segi Sejarah, Bil. 46, 2018.
- Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Suffian Mansur, 'Pengukuhan Penguasaan British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu: Analisis Dua Perjanjian Majlis Mesyuarat Persekutuan, 1909 dan 1927,' dalam Suffian Mansur,

- Sivachandralingam Sundara Raja, et. al., *Sejarah dan Kesarjanaan*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2014.
- Aruna Gopinath, *Pahang 1880-1933, A Political History*, MBRAS, Monograph No. 18, 1996.
- Aruna Gopinath, *Pahang, 1880-1933: A Political History*, Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur, 1991.
- Azlizan Mat Enh dan Nurul Fatimah Yusoff, 'Pengenalan Undang-Undang Inggeris di Negeri Sembilan 1895-1950,' *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, Vol. 28, No. 1, 2019.
- Azmah Abd. Manaf dan Azwan Ahmad, 'Peningkatan Kawalan British Melalui Perjanjian Perlis-British 1930 dan Pengukuhan Kuasa Elit Melayu,' *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, Vol. 23, No. 1, 2014.
- Handbook to British Malaya*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- J. Chandran, 'Perjanjian 1909 Antara Inggeris dengan Siam Serta Latar Belakangnya,' *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Bil. 1, 1971/72.
- Khoo Kay Kim, 'Dasar British di Pahang Semasa Negeri-Negeri Melayu Bersekutu,' dalam Norazit Selat, editor, *Pahang Sejarah dan Budaya*, Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang, 2000.
- Khoo Kay Kim, 'The Pangkor Engagement of 1874,' *JMBRAS*, Vol. 47, Pt. 1, 1974.
- KOLUMNIS/Peranan-aktif-raja-raja-Melayu, *Sinar Harian*, 2018.
- Mardiana Nordin, 'Perjanjian 10 Mac 1855: Suatu Episod Peralihan Kuasa di Negeri Johor,' *Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil. 35, 2007.
- Mohd Samsuddin, 'Pahang Sekitar Abad ke-19 Menurut Pandangan Pegawai-Pegawai British,' *Jebat: Malaysian Journal of History & Strategic Studies*, Vol. 37, 2010.
- Mohd Shazwan Mokhtar, 'Perjanjian Anglo-Siam 1909: Pengukuhan Imperialisme British dan Liabiliti kepada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1909-1920,' *Akademika*, 91(3), 2021.
- Mohd. Samsudin, "Cabaran Institusi Raja-raja Melayu Dalam Zaman Pentadbiran British," dalam Seminar 120 Tahun Majlis Raja-raja Melayu, Persatuan Sejarah Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia & Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Malaysia, 19 September 2017.
- Mohd. Shazwan Mokhtar, 'Agenda Imperialisme dalam Krisis Pentadbiran Kolonial di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1921-1925,' *Jebat: Malaysian Journal of History & Strategic Studies*, Vol. 46, No. 2, 2019.
- Mohd. Shazwan Mokhtar, 'Agenda Imperialisme dalam Krisis Pentadbiran Kolonial di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1921-1925,' *Jebat: Malaysian Journal of History & Strategic Studies*, Vol. 46, No. 2, 2019, hlm. 28-55.
- Mohd. Shazwan Mokhtar, Mohd. Samsudin dan Suffian Mansor berjudul 'Strategi Imperialisme British dalam Dasar Desentralisasi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1927-1934,' *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, Vol. 28, No. 1, 2021.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abd Rahim, et.al, *Peranan Sultan Dalam Perkembangan Islam di Pahang*, *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 29, 2018.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim, *Al-Raniri dan Perkembangan Islam di Pahang*, *Jurnal Usuluddin* 45 (2) 2017: 87-104.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim Mohd Anuar Ramli et.al, *Islamisasi Awal di Pahang: Satu Tinjauan Teori*, *Jurnal Kemanusiaan* Vol. 24: Issue 1, 2015, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), ISSN: 1675 – 1930.
- Nurlisa Sarah Mohammad Azmi, 'Peranan British dalam Pembangunan Ekonomi dan Sosial di Jajahan Dinding, 1874-1942,' *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, Vol. 28, No. 2, 2019.
- Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia (Old Treaties & Documents of Malaysia)*, 1970-1965, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2008.
- Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia, 1791-1965*, Institut Terjemahan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2010.
- Rudi Effendi Khalid, "Malaysia Tidak Pernah dijajah British"-khoo kay kim, 17 September 2018, *Sarawakvoice*.
- Shuwaibah Rasidi dan Shakila Yacob, 'British dalam Persempadanan Hulu Perak-Reman: Satu Kronologi dari Tahun 1882 hingga 1909,' *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, Vol. 29, No. 1, 2020.
- Sivachandralingam Sundara Raja, 'Persekutuan 1896: Antara Impian dan Kenyataan,' *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, Vol. 10, No. 10, 2002.
- Sivachandralingam Sundara Raja, 'The Early British Administrators in the Malay States, 1874-1909,' *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, Vol. 24, No. 1, 2015.
- Surat-surat Perdjanjdjian antara Kesultanan Riau dengan Pemerintahan2 V.O.C. dan Hindia-Belanda 1784-1909, Jakarta: Arsip Nasional Republik Indonesia, 1970.



W. Linehan, 'The Bendahara of Pahang,' JMBRAS, Vol. IV, Pt. 3, 1934.

W. Linehan, A History of Pahang, Kuala Lumpur: MBRAS (reprint no. 2), 1973.

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Ahmad Farid Abd Jalal dan Mohamed Anwar Oмарdin, 'Negeri Melayu Pahang Tidak Dijajah: Satu Analisis Dokumen Perundangan Sehingga Tritis 1948,' BITARA, Volume 7, Isu 2, 2024.

### ***Dokumen Fail British High Commissioner***

Address by the Acting British Adviser, dalam Fail B.A. PHG. X (1949), Pahang Council of State, Agenda, etc.

Agreement Between His Majesty's Government and His Highness the Royal of Pahang, one of the Protected Malay States whose hand and seal is set hereto., Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Agreement supplemental to the agreement for the constitution of the Federal Council, CSO,5362/1912. PERJANJIAN P.78, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Fail British High Commissioner, British Administration in Pahang, re-request of the Sultan for a reply to part of his letter of 24 August 1888, Regarding. Sd. J. Chamberlain, The officer Administering the government of the straits settlements, 17 August 1900. Fail 1310/1900, Arkib negara Malaysia.

Fail chief secretary F.M.S 11 th March 1912. 08/11/2014 draft enactment to provide for the execution of treaties and agreements. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Fail Pahang Council of State, President of the Council, No.27 in Pahang 1896/1949, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Report of the Advisory Committee on Education in the Colonies by Sgd. A. Keir, Ag. Director of Education, Malay States, Singapore 27 Julai 1938.

Report of the Advisory Committee on Education in the Colonies by Sd. J.V. Cowgill, Acting British Resident, Negeri Sembilan, 9 August 1938.

Report on the Treaties and Engagement with the Native States of the Malayan Peninsular, Anterior to 1860 by Colonel Cavanagh, Governor of the Straits Settlements, 1859-1867, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Fail of S. Circular Despatch of 7.2.20, Appointment of an Advisory Committee to consider proposals for promoting the economic development of colonies and protectorates. (1957/00216, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

### ***Dokumen Rasmi***

Agreement 1948, Pahang Council of State, Agenda, etc, dalam Fail B.A.PHG X/1949.

Annual Report, Social and Economic Progress of the people of Pahang 1934.

Annual Report, Social and Economic Progress of the people of Pahang 1936.

Annual Report, Social and Economic Progress of the people of Pahang for the year 1935.

Annual Report, Social and Economic Progress of the people of Pahang for the year 1939.

Annual Report, Social and Economic Progress of the people of Pahang for the year 1949.

Fail B.A. PHG. X (1949), Pahang Council of State, Agenda, etc.

Federation of Malaya Government Gazette, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Government of Pahang, Enactment No.5 of 1949, Pahang 375/48.

Pahang administration report for the year 1931 (Supplement to the F.M.S Government Gazette, august 12, 1932.

President of the Council, Pahang Council of State, Fail no. 27 in Pahang 1896/1949.

State of Pahang Annual Report 1947.

Surat-surat Perjanjian antara Kesultanan Riau dengan Pemerintahan V.O.C. dan Hindia-Belanda 1784-1909, Jakarta: Arsip Nasional Republik Indonesia, 1970.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang 1948, dalam Fail B.A.PHG X2/1949. (Memoranda for Ex.Co).

### ***Laman Sesawang***

<http://www.dirajapahang.my/portaldiraja>.